



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
INLAND REVENUE BOARD OF MALAYSIA
<http://www.hasil.gov.my>

DATO' DR. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR, D.P.T.J., J.S.M., B.C.M.
Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
(Chief Executive Officer/ Director General of Inland Revenue)

No. Rujukan: LHDN.01/32/345/1
Tarikh: 12 April 2012

YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek Bin Hassan
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putera
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

YBhg. Tan Sri,

Scan ke p. 6
2/4, 1/4
ML
13/4/12

MENGGALAKKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM/AGENSI MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK LHDNM: e-FILING: m-FILING DAN e-BAYARAN BAGI PENDAPATAN TAHUN TAKSIRAN 2011

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

- Untuk makluman YBhg. Tan Sri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah memaklumkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Setiausaha Negeri / Agensi supaya menggalakkan pegawai perkhidmatan awam / agensi menggunakan perkhidmatan elektronik LHDNM iaitu e-Filing dan e-Bayaran.
- Satu lagi inovasi terbaharu ialah perkhidmatan elektronik secara atas talian (*online*) di bawah jenama ez-HASiL, iaitu *Mobile Filing* (m-Filing) dengan menggunakan aplikasi peranti mudah alih (*smartphone*) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2012 sempena Majlis Perasmian Menara Hasil, Cyberjaya. Kemudahan m-Filing disediakan bagi pembayar cukai yang mempunyai punca pendapatan daripada penggajian untuk pengemukaan m-BE Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2011.



4. Perkhidmatan ini boleh dicapai terus melalui sesawang e-Filing <https://e.hasil.gov.my> atau melalui laman sesawang rasmi LHDNM www.hasil.gov.my pada ikon pautan 'ezHASIL'. Alamat m-Filing boleh dicapai di <https://mfiling.hasil.gov.my>


5. Inisiatif perkhidmatan elektronik secara *online* selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai 90 peratus perkhidmatan kerajaan secara *online* (e-Government) menjelang 2015.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. MOHD. SHUKOR BIN HJ. MAHFAR)

Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia.